



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



KOLEJ KOMUNITI
KULIM

PELAN TINDAKAN

Kolej Komuniti Kulim

DOKUMEN RASMI: EDISI 2026-2027

PELAN TINDAKAN

Kolej Komuniti Kulim

2026 - 2027

Hakcipta Terpelihara © 2026

Kolej Komuniti Kulim
Kementerian Pendidikan Tinggi.

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki atau disiarkan dalam mana-mana bentuk atau dengan mana-mana alat elektronik, mekanikal fotokopi, perakaman atau yang sebaliknya, tanpa keizinan dari Kolej Komuniti Kulim, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Diterbit dan diedar oleh :

KOLEJ KOMUNITI KULIM
Jalan Kota Kenari 2,
Taman Kota Kenari,
09000 Kulim Kedah.

Pelan Tindakan Kolej Komuniti Kulim
Dokumen Rasmi: Edisi 2026-2027

eISBN 978-629-97793-4-6



9 786299 779346

PENGESAHAN

Pelan Tindakan Kolej Komuniti Kulim 2026-2027

Disediakan oleh:



.....
(Norsyariza Hanim binti Mohd Sabri)

Penyelaras Pelan Tindakan

Unit Jaminan Kualiti

Kolej Komuniti Kulim

Tarikh: 8 Mac 2026

Disemak oleh:




.....
(Mohamad Hafiz bin Bakar)

Timbalan Pengarah Pengurusan

Kolej Komuniti Kulim

Tarikh: 8 Mac 2026

Disemak oleh:




.....
(Nazliza binti Abdul Ghani)

Timbalan Pengarah Akademik

Kolej Komuniti Kulim

Tarikh: 8 Mac 2026

Disahkan oleh:



.....
(Rizal Kasyrno bin Ghazali)

Pengarah

Kolej Komuniti Kulim

Tarikh: 8 Mac 2026

Ringkasan Eksekutif

Pelan Tindakan Kolej Komuniti Kulim Tahun 2026-2027 merupakan dokumen perancangan tahunan yang menggariskan inisiatif, program serta aktiviti utama yang akan dilaksanakan sepanjang tahun bagi memastikan pencapaian sasaran institusi selaras dengan aspirasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) serta Kementerian Pendidikan Tinggi.

Pelan tindakan ini berfungsi sebagai panduan pelaksanaan kepada seluruh warga Kolej Komuniti Kulim dalam merancang, menyelaraskan dan melaksanakan program yang menyokong pembangunan akademik, pengurusan institusi serta pembangunan pelajar secara menyeluruh. Melalui pelan ini, setiap unit dan program pengajian diberikan tanggungjawab yang jelas dalam memastikan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan secara sistematik, berkesan dan berimpak kepada institusi serta komuniti.

Perancangan pelaksanaan bagi tahun 2026-2027 dirangka berdasarkan beberapa teras utama yang menekankan aspek peningkatan kualiti graduan TVET, pemantapan tadbir urus institusi, pembangunan kompetensi warga kerja, pengukuhan program pengajian, perluasan kolaborasi bersama industri dan komuniti serta

pembudayaan inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat. Setiap teras disokong oleh objektif strategik, indikator prestasi utama (KPI), sasaran pencapaian serta pelan tindakan yang dirancang oleh unit dan pegawai yang bertanggungjawab.

Pelan tindakan ini turut memberi penekanan kepada pemantauan pencapaian secara berkala melalui mekanisme pelaporan prestasi dan semakan KPI oleh pihak pengurusan institusi. Pendekatan ini bertujuan memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan dapat mencapai sasaran yang ditetapkan serta menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan pendidikan di Kolej Komuniti Kulim.

Secara keseluruhannya, Pelan Tindakan Kolej Komuniti Kulim Tahun 2026-2027 diharap dapat menjadi dokumen rujukan utama dalam memastikan pelaksanaan program dan aktiviti institusi berjalan dengan lebih terancang, tersusun dan berfokus. Komitmen serta kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan segala perancangan yang telah digariskan dapat direalisasikan dengan jayanya demi kecemerlangan institusi dan pembangunan modal insan negara.

Isi Kandungan

Bahagian 1: Pengurusan & Pengenalan

- Pengesahan Pelan Tindakan 2026-2027 ○ ○ (3)
- Ringkasan Eksekutif ○ ○ (4)
- Prakata Pengarah ○ ○ (6)
- Pengenalan Kolej Komuniti Kulim ○ ○ (7)
 - Sejarah Penubuhan
 - Kemudahan Fizikal
 - Program Pengajian
- Fungsi dan Peranan Institusi ○ ○ (8)
 - Teras Perkhidmatan
 - Punca Kuasa
 - Pihak Berkepentingan & Pelanggan
- Carta Organisasi ○ ○ (9)
- Nilai Teras ○ ○ (10)
- Visi & Misi ○ ○ (11)

Bahagian 2: Pelan Strategik (7 Teras Utama)

- Ringkasan 7 Teras & 11 Objektif Strategik ○ ○ (11)
- Teras 1: Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti ○ ○ (13)
 - OS 1.1: Graduan menepati keperluan industri ○ ○ (14)
 - OS 1.2: Ekosistem keusahawanan holistik ○ ○ (15)
 - OS 1.3: Graduan berciri global ○ ○ (16)
- Teras 2: Memantapkan Governan yang Responsif & Mampan ○ ○ (17)
 - OS 2.1: Tadbir urus berakauntabiliti dan cekap ○ ○ (18)

Bahagian 2: Pelan Strategik (7 Teras Utama)

- OS 2.2: Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC ○ ○ (19)
- OS 2.3: Memperkukuh pengurusan kewangan ○ ○ (20)
- Teras 3 : Pemerksaan Bakat ○ ○ (20)
 - OS 3.1: Perkongsian pengetahuan PPPT dan industri ○ ○ (22)
- Teras 4: Pemantapan Program Pengajian ○ ○ (23)
 - OS 4.1: Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian ○ ○ (24)
- Teras 5: Kolaborasi Industri, Komuniti dan Alumni ○ ○ (26)
 - OS 5.1: Memperkukuh jaringan industri ○ ○ (27)
- Teras 6: Membudaya Penyelidikan & Inovasi ○ ○ (28)
 - OS 6.1: Memperkasa ekosistem penyelidikan & inovasi ○ ○ (29)
- Teras 7: Pembelajaran Sepanjang Hayat ○ ○ (30)
 - OS 7.1: Melahirkan Komuniti Berkemahiran ○ ○ (31)

Bahagian 3: Penutup

- Sidang Editorial ○ ○ (32)

Prakata Pengarah

Rizal Kasyrno bin Ghazali

Pengarah
Kolej Komuniti Kulim



**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI**

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah SWT atas limpahan rahmat dan kurnia-Nya. Saya dengan penuh rasa syukur dan penghargaan mengalu-alukan penerbitan Buku Pelan Tindakan Kolej Komuniti Kulim bagi tahun 2026-2027. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Pelan Tindakan Kolej Komuniti Kulim atas komitmen dan usaha yang telah diberikan dalam merangka serta menghasilkan dokumen ini sebagai panduan pelaksanaan program dan aktiviti institusi sepanjang tahun.

Pelan tindakan ini merangkumi perancangan pelaksanaan program dan inisiatif yang menyokong pencapaian sasaran institusi selaras dengan aspirasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) serta Kementerian Pendidikan Tinggi. Saya berharap agar seluruh warga Kolej Komuniti Kulim dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh komitmen, semangat kerjasama dan dedikasi bagi memastikan segala perancangan yang telah digariskan dapat direalisasikan dengan jayanya.

Akhir kata, kejayaan pelaksanaan pelan tindakan ini bergantung kepada usaha bersepadu semua pihak dalam memastikan kecemerlangan institusi terus diperkasakan. Semoga segala usaha yang dilaksanakan mampu melahirkan graduan TVET yang berkemahiran tinggi, berdaya saing serta memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Sekian, terima kasih.

Pengenalan

Kolej Komuniti Kulim

Kolej Komuniti Kulim berperanan menyediakan akses pendidikan TVET yang berkualiti serta memperkasa komuniti melalui pembangunan kemahiran.

Kolej Komuniti Kulim (KKKU) telah ditubuhkan pada 1 Julai 2007 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Pada peringkat awal penubuhannya, KKKU beroperasi di bangunan Kolej Komuniti Cawangan Bandar Baharu, Kedah. Pengambilan pelajar pertama bermula pada 16 Julai 2007 bagi program Sijil Perakaunan Perniagaan dengan jumlah seramai 15 orang pelajar.

Pada 9 Disember 2007, KKKU telah berpindah ke premis sementara di Taman Kota Kenari, Kulim, Kedah sebelum mula beroperasi di premis sendiri pada 30 Ogos 2012 di lokasi yang sama. Sejak tahun 2020, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah diletakkan di bawah pengurusan Kementerian Pengajian Tinggi. Sehingga kini, KKKU mempunyai antara 150 hingga 180 orang pelajar setiap semester dengan jumlah staf seramai 38 orang.

Premis KKKU dibangunkan bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif

serta mesra komuniti. Institusi ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk pejabat pentadbiran, bilik pensyarah dan pegawai, makmal, studio fotografi, surau, perpustakaan, dewan serbaguna, E-Tech Corner, kafeteria dan koperasi. Kemudahan pengangkutan seperti bas, van dan kereta jabatan turut disediakan bagi menyokong aktiviti pelajar dan kakitangan.

KKKU menawarkan program pengajian sepenuh masa pada peringkat sijil kepada lepasan SPM iaitu Sijil Pengoperasian Perniagaan dan Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan. Selain itu, KKKU turut menyediakan kursus pendek melalui Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat yang dijalankan secara berkala untuk masyarakat setempat. Pelbagai kursus reskilling dan upskilling turut ditawarkan bagi meningkatkan kemahiran individu serta menyokong pembangunan ekonomi komuniti.



Pengenalan

Kolej Komuniti Kulim

Fungsi dan Peranan Institusi

Menyedia tenaga kerja berpengetahuan dan kompeten bidang teknikal dan vokasional melalui sistem pendidikan dan latihan berkualiti bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Teras Perkhidmatan

Pendidikan dan Latihan
Teknikal dan Vokasional (TVET)

Pembelajaran Sepanjang
Hayat (PSH)

Punca Kuasa

Akta Pendidikan 1996
(Akta 550)

Akta Institusi-Institusi Pelajaran
(Tatatertib) 1976 [Akta 174]

Pihak Berkepentingan Dan Pelanggan

Kerajaan




Kementerian

Industri

Masyarakat

Ibu bapa

Pelajar



Nilai Teras

Nilai-nilai teras merupakan nilai yang perlu dikongsi bersama, dihayati dan diamalkan oleh seluruh warga Kolej Komuniti. Nilai-nilai tersebut adalah:



KREATIVITI DAN INOVATIF

Kreatif dan inovatif dalam tindakan dan membuat keputusan secara bijaksana.



INTEGRITI

Kualiti unggul dipupuk dan disemai dalam kalangan warga berteraskan prinsip kejujuran, ketulusan, ketuhanan dan amanah dalam setiap tindakan untuk mencapai kecemerlangan diri dan organisasi.



KETANGKASAN

Kecepatan, kepantasan, kecekapan, dan proaktif dalam tindakan dan tindak balas terhadap perubahan atau pembaharuan di dalam organisasi.



PROFESIONALISME

Berkemampuan atau berkemahiran untuk melaksanakan tugas yang telah diamanahkan sesuai dengan prosedur dan etika kerja.

Visi

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

Misi

Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf

Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat

Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang

Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

7 Teras Strategik Utama

11 Objektif Strategik (OS)





Teras Strategik 1

Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti

Objektif Strategik 1.1 — Menghasilkan graduan yang berkualiti dan menepati keperluan industri

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN
Menghasilkan graduan yang berkualiti dan menepati keperluan industri	KPI 1	Peratus kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti	Melaksanakan proses pengumpulan data pengesanan graduan	Peratus kebolehpasaran graduan	95%	(i) Penyediaan data asas (ii) Pengumpulan status pelajar 3 bulan sebelum konvokesyen (iii) Memastikan pelajar mengisi sistem SKPG sepanjang tahun semasa	Pegawai Pengesanan Graduan	Sepanjang tahun
		Peratus graduan KKKU yang bekerja dalam bidang pengajian atau yang setara dengan kelayakan bidang pengajian	Menjadikan graduan yang mempunyai nilai tambah kepada industri	Peratus Padanan Pekerjaan	50%	(i) Taklimat kerjaya (ii) Penempatan latihan industri mengikut skop bidang pengajian	Pegawai Pengesanan Graduan / PPIA	Sepanjang tahun
	KPI 2	Peratus pelajar tahun akhir menyertai program intervensi keboleh pasaran graduan	Menghantar pelajar menyertai program-program pensijilan kemahiran dalam bidang	Peratus pelajar	10%	Pensijilan Profesional, pentauliahian industri/ Kursus Pembangunan Personaliti /Kursus Bahasa Kedua @ Ketiga/ Program silang budaya atau pendedahan kepada budaya kerja sebenar.	PPIA / KP SMP & SPP	Sepanjang tahun
	Objektif Kualiti / Petunjuk Prestasi	Peratus pelajar tamat dalam tempoh - Graduate On Time (GOT).	Memastikan pelajar yang mendaftar dapat menamatkan pengajian dalam tempoh	Peratus GOT	80%	Sesi perjumpaan secara mingguan bersama Penasihat Akademik	Pegawai Peperiksaan/ Ketua Program/ Penasihat Akademik	Sepanjang tahun
		Peratus kelulusan pelajar bagi setiap kursus dalam setiap semester.	Memberikan pengukuhan akademik kepada pelajar	Peratus pelajar lulus kursus	80%	(i) Taklimat peperiksaan pelajar.	Pegawai Peperiksaan	2 kali / tahun
						(ii) Laporan kehadiran dan markah pentaksiran pelajar.	Pegawai Peperiksaan/ Ketua Program/ Pensyarah Kursus	2 kali / tahun
		Peratus pelajar mencapai PNM 3.00 dan ke atas dalam setiap kelas.	Menyediakan akses pembelajaran yang berkualiti	Peratus pelajar	65%	(i) Bengkel vetting item pentaksiran.	Pegawai Peperiksaan / Ketua Program / Pensyarah Kursus	2 kali / tahun
						(ii) Platform bank soalan sesi lepas (repositori) untuk rujukan pelajar	Pegawai Peperiksaan / Pegawai Perpustakaan	Sepanjang tahun
	Objektif Kualiti / Petunjuk Prestas	Bilangan Pemantauan dan Penilaian kepada pensyarah dan penilaian oleh pelajar	Melaksanakan pemantauan dan penilaian PdP Pensyarah	Bilangan pemantauan	1	Taklimat / Pemakluman kepada semua pensyarah	TPA/ Penyelaras Pemantau	1 kali / tahun
		Peratus pencapaian keseluruhan CLO dan PLO	Menyediakan Laporan Analisis CLO/PLO	Peratus pencapaian CLO/PLO	80%	(i) Sesi perjumpaan secara mingguan bersama Penasihat Akademik (ii) Taklimat peperiksaan	TPA/Pensyarah Kursus	2 kali / tahun

Objektif Strategik 1.2 — Memantapkan ekosistem keusahawanan bersinergi yang holistik dan bersepadu

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN
Memantapkan ekosistem keusahawanan bersinergi yang holistik dan bersepadu	KPI 3	Projek keusahawanan pelajar berasaskan penyelesaian masalah komuniti yang menjana peluang perniagaan	Projek Keusahawanan Pelajar	Bilangan Projek keusahawanan	1	Pelaksanaan program merujuk kepada Model Keusahawanan Sosial	Pegawai Keusahawanan	Sepanjang tahun
Melaksanakan Program Keusahawanan Berciri 4IR		Program usahawan pelajar IPT yang menjalankan perniagaan di kampus semasa tempoh pengajian	Melaksanakan program keusahawanan bercirikan 4IR	Bilangan program	1	(i) Pelaksanaan program berkaitan aktiviti jualan di kolej (ii) Penyertaan program aktiviti jualan peringkat zon		
	Inkubator keusahawanan berasaskan inovasi dan teknologi		Bilangan inkubator	1	Penyertaan pertandingan inovasi keusahawanan			
Kolaborasi dengan Agensi, Industri, NGO, IPT (Tempatan dan Antarabangsa)		Jumlah Kolaborasi dengan Agensi, Industri, NGO, IPT (Tempatan dan Antarabangsa).	Menjalankan kolaborasi dengan agensi yang terpilih	Bilangan agensi	1	Menjalankan kolaborasi bersama industri terpilih		

Objektif Strategik 1.3 — Melahirkan graduan berciri global

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN
Melahirkan graduan berciri global	KPI 4	Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat jabatan/negeri/zon/ kebangsaan atau antarabangsa	Melaksanakan program pembangunan pelajar berciri holistik yang merangkumi aspek kepimpinan, sahsiah, rohani, jasmani dan kesejahteraan pelajar di peringkat kolej / Penyertaan pelajar dalam pertandingan dan program pembangunan bakat meliputi kluster inovasi, kemahiran, sukan, niche-area, keusahawanan dan kebudayaan di peringkat kebangsaan (dengan pencapaian) atau antarabangsa (penyertaan atau pencapaian).	Bil pelajar	4	Pencapaian pelajar (johan/pingat/ anugerah) dalam pertandingan peringkat kebangsaan / Penyertaan atau pencapaian pelajar dalam pertandingan peringkat antarabangsa / Pencapaian pelajar dalam pertandingan anjuran kementerian, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) / Pencapaian pelajar dalam pertandingan anjuran JPPKK, POLYCC atau institusi pengajian tinggi.	Pegawai Pembangunan Pelajar/ Pegawai Sukan/ KPRO SMP, SPP	Sepanjang tahun
	KPI 5	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik		Bil program	9	Pelaksanaan program pembangunan kepimpinan dan sahsiah pelajar <i>atau</i> Pelaksanaan program pembangunan pelajar baharu bagi membentuk jati diri dan disiplin <i>atau</i> Pelaksanaan program kesukarelawanan, kerohanian dan khidmat komuniti pelajar <i>atau</i> Pelaksanaan program kesedaran dan kesejahteraan kesihatan mental pelajar <i>atau</i> Pelaksanaan program patriotisme dan perpaduan pelajar <i>atau</i> Pelaksanaan program kesedaran keselamatan dan sahsiah pelajar dengan kerjasama agensi luar <i>atau</i> Penyertaan pelajar dalam pertandingan kemahiran dan inovasi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa <i>atau</i> Penyertaan pelajar dalam pertandingan keusahawanan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa <i>atau</i> Pelaksanaan program pembangunan sukan dan gaya hidup sihat pelajar		



Teras Strategik 2

Memantapkan Governan Yang Responsif Dan Mampan

Objektif Strategik 2.1 — *Melestari tadbir urus yang berakauntabiliti dan cekap*

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN
Melestari tadbir urus yang berakauntabiliti dan cekap	KPI 6	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa	Mendapat pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa seperti ISO, EKSA dan lain-lain yang berkaitan peningkatan kualiti institusi.	Bil pengiktirafan	1	(i) Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti (ii) Bengkel Pemurnian Manual Kualiti dan Prosedur Kualiti (iii) Pelaksanaan Audit Dalaman (iv) Lawatan Penanda Aras (v) Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (vi) Audit SIRIM	Pegawai Kualiti	Sepanjang tahun
	KPI 7	Bilangan program ke arah kesejahteraan mental dan fizikal warga POLYCC	Melaksanakan program atau inisiatif kesejahteraan mental dan fizikal di institusi	Bil program	4	(i) Program Kesejahteraan mental dan fizikal: Aktiviti kesedaran kesihatan mental, kaunseling, yoga, meditasi, dan kempen bebas stres; (ii) Hari sihat POLYCC: Pemeriksaan kesihatan, kempen pemakanan sihat, dan aktiviti sukan santai (Contoh: 10,000 langkah, zumba, berbasikal); (iii) Program safe space: Ruang sokongan emosi dan latihan empati untuk warga kerja dan pengurusan institusi; atau (iv) Kempen kesejahteraan digital: Kesedaran penggunaan teknologi secara sihat dan keseimbangan digital.	TPA/ TPP/ Pegawai Pembangunan Pelajar/ Pegawai Sukan	Sepanjang tahun
	KPI 8	Skor Kualiti Data POLYCC	Menyelaras Data MyMOHES	Peratus skor data	95%	Peringkat POLYCC: Memuat naik data modul pelajar dan modul maklumat institusi sahaja.	TPP	Setiap Sukuan mengikut 'Cut Off Date' Sistem MyMOHES

Objektif Strategik 2.2— *Memperkuh jenama dan reputasi POLYCC*

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN	
Memperkuh jenama dan reputasi POLYCC	KPI 9	Peratus pelajar sepenuh masa mendaftar di kolej komuniti berdasarkan norma ambilan	Menjalankan aktiviti/ program promosi TVET/ jelajah pendidikan/ pameran promosi institusi untuk meningkatkan peratus ambilan pelajar	Peratus pelajar mendaftar	90%	CSR dengan komuniti luar seperti gotong royong di masjid	Pegawai Pengambilan Pelajar	Sepanjang tahun	
						Mengadakan program sekolah angkat sekaligus untuk edaran flyers di sekolah, buka booth pameran di sekolah			
						Live berkala lantik pelajar sebagai duta untuk menarik pelajar-pelajar baru/video promosi			
	Meningkatkan jenama dan reputasi TVET			Hebahan promosi melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa	Bilangan hebahan	110	Memuat naik pelaksanaan program dari semasa ke semasa di media sosial rasmi KKKU (FB/ IG / TT)	PRO	Sepanjang tahun semasa
				Memastikan 80% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan	Peratus tahap kepuasan pelanggan	80%	Menjalankan kaji selidik kepuasan pelanggan staf dan pelajar		Sekali setahun
				Program khas/ lawatan/ kunjungan hormat	Bil program	2	Mengadakan pertemuan rasmi dengan agensi-agensi berkepentingan KKKU (JPNK/ MPK/ PDRM/ PKD/ LZNK/ DLL.)		Sepanjang tahun semasa
				Menyediakan elemen penjenamaan fizikal KKKU (bendera, banner, signage, dll) bagi meningkatkan imej korporat institusi	Bil elemen penjenamaan fizikal	1	Pelaksanaan elemen penjenamaan seperti bendera/ banner/ signage dll		Sepanjang tahun semasa
				Menyelaras pelantikan dan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Kolej	Bil mesyuarat	1	Mengadakan mesyuarat/ perjumpaan/ libat urus		Sepanjang tahun

Objektif Strategik 2.3— *Memperkuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan*

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN
Memperkuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan	KPI 11	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64)	Membuat perancangan perbelanjaan mengurus	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus	99%	(i) Perancangan perbelanjaan mengurus setiap awal tahun dan memantau vot dalam iGFMAS pada setiap bulan. (ii) Pemantauan melalui Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Akaun (JPKA) pada setiap sukuan (25% perbelanjaan setiap sukuan) (iii) Kursus Perolehan Kerajaan melibatkan pegawai yang terlibat dengan perolehan.	Penolong Pegawai Tadbir	Setiap Suku Tahun
	KPI 12	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima	Melaksanakan pemantauan laporan prestasi pembayaran bil	Peratus prestasi bil	95%	(i) Semakan borang pergerakan perolehan yang dilampirkan di hadapan dokumen perolehan. (ii) Semakan laporan prestasi proses pembayaran bil sempurna atau laporan bil/invois (AP103) dalam iGFMAS.	Penolong Pegawai Tadbir	Setiap Hari

A group of approximately 15 young women, all wearing hijabs, are posing for a group photo outdoors. They are arranged in several rows, some standing and some kneeling or sitting in the front. Many of them are making peace signs with their hands. The background shows a paved area and some foliage. The entire image is overlaid with a semi-transparent red filter. Large white text is overlaid on the left side of the image.

Teras Strategik 3

Pemeriksaan Bakat

Objektif Strategik 3.1 — *Mempergiat perkongsian pengetahuan antara PPPT dan pengamal industri secara berterusan*

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN
Mempergiat perkongsian pengetahuan antara PPPT dan pengamal industri secara berterusan	KPI 13	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa	Pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa.	Peratus Pensyarah	50%	Pensyarah teras bidang diwajibkan melengkapkan Sangkutan Industri Pensyarah atau Latihan Industri Pensyarah mengikut syarat yang ditetapkan atau memiliki kelayakan profesional, Sijil Industri atau Sijil Profesional yang diiktiraf.	Pegawai Latihan Dan Pembangunan Staf	Sepanjang tahun
			Bilangan Program / Kursus / Bengkel / Taklimat / Seminar bagi peningkatan kerjaya .	Bil program	1	Program / Kursus / Bengkel / Taklimat / Seminar yang dirancang di bawah peningkatan kerjaya.		
			Staf mengikuti Program / Kursus / Bengkel / Taklimat / Seminar dalam bidang program pengajian, bidang tugas portfolio atau pembangunan diri mengikut bilangan hari yang ditetapkan dalam pekeliling semasa.	Peratus Staf	100%	Program / Kursus / Bengkel / Taklimat / Seminar ini dilaksanakan bagi memperkukuh kompetensi dalam bidang program pengajian, bidang tugas portfolio serta pembangunan diri selaras dengan keperluan kerjaya, mengikut tempoh pelaksanaan yang ditetapkan dalam pekeliling semasa.		



Teras Strategik 4

Pemantapan Program Pengajian

Objektif Strategik 4.1 — Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN
Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian	KPI 14	Bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan imersif dan AI yang dihasilkan oleh POLYCC	Pembangunan bahan aplikasi interaktif e-buku/ aplikasi interaktif e-buku mempunyai elemen augmented reality (AR)	Bil bahan	2	Kursus Pembangunan E-book PdP. Penglibatan melalui Unit Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan, Unit Sijil Pengoperasian Perniagaan dan Unit Pengajian Am	TPA / Pegawai ePembelajaran (PeL)	Sepanjang tahun
			Pembangunan bahan video PdP/video dokumentari/VR/video 360		1	Kursus Pembangunan Video PDP. Penglibatan melalui pensyarah kursus terpilih dengan kerjasama Unit Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan		
			Pembangunan Digital MC Stand Alone (MCSA) (politeknik)/platform kursus CIDOS yang lengkap (kolej komuniti)		1	Melaksanakan kursus CIDOS melibatkan pensyarah kursus dan pelajar		
		Pelaksanaan Sasaran kerja Tahunan bagi Unit Pembelajaran Digital	Penyertaan eDOLA 2026	Pencapaian	1	Penyertaan mengikut kategori yang dipilih serta kerjasama antara unit terlibat		
			Melaksanakan latihan / kursus untuk meningkatkan pengetahuan digital	Bil latihan	1	Kursus / latihan berkaitan CIDOS, E-learning, AI dan kursus mengikut perkembangan digital semasa		
			Laporan Ruang Pembelajaran Termaju POLYCC 2026	Laporan Ruang Pembelajaran Termaju POLYCC 2026	Bil Penggunaan VR Room	2		
	Bahan ilmiah yang terkini dan relevan	Mewujudkan kerjasama dengan perpustakaan lain melalui perkongsian maklumat bagi menampung kekurangan bahan rujukan bagi memastikan bahan rujukan sentiasa terkini dan relevan	Bilangan kerjasama	1	Pelaksanaan pinjaman berkelompok/ pinjaman antara perpustakaan (inter library-loan)/ Sistem Pembekalan Penerbitan dari Perpustakaan Negara Malaysia.	Pegawai Perpustakaan		
	Program bacaan di institusi	Melaksanakan program berbentuk ilmiah untuk warga KK KU	Bil Program	2	Program membaca dan pelbagai aktiviti ilmiah bagi menyuburkan minat membaca serta pembudayaan ilmu dalam kalangan warga kolej.			
	Bilangan program/ aktiviti bagi memantapkan semakan kurikulum pengajian	Memantapkan program pengajian di KK KU	Bil Program	1	(i) Maklum balas pensyarah melalui Sistem Maklum Balas Kurikulum (SMBK) (ii) Taklimat Interpretasi Kurikulum	KPro SMP dan SPP	(i) Setiap sesi pengajian (ii) Sepanjang tahun	

Objektif Strategik 4.1 — Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN
Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian	KPI 16	Skor prestasi pencapaian Industry on Campus (IOC)	Mengurus dan melaksanakan aktiviti IOC	Peratus skor prestasi	50%	Pelaksanaan pengurusan dokumentasi IOC	Pegawai IOC/ Ketua Program SMP/SPP/ Pensyarah Bidang	Mac - Nov
						Pelaksanaan pembelajaran berasaskan industri	Ketua Program SMP / SPP	
						Kolaborasi bersama industri	Pegawai IOC/ Ketua Program SMP/SPP	
						Pelaksanaan program bersama industri	Pegawai IOC/ Ketua Program SMP/SPP	
		Bilangan bengkel pembinaan item soalan dan skema pemarkahan	Menghasilkan item pentaksiran yang berkualiti kepada pelajar.	Bilangan program	1	Bengkel Pembinaan Item dan Skema/ Rubrik Pemarkahan.	Pegawai Peperiksaan	1 kali / setahun

Teras Strategik 5

Memperkukuh Kolaborasi Industri, Komuniti Dan Alumni

Majlis Kolaborasi dan Dialog
Bersama Industri &

Majlis Penyerahan Watikah
Pelantikan CEO@Polycc

KOLEJ KOMUNITI
KULIM

Objektif Strategik 5.1 — *Memperkuh jaringan industri-institusi*

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN
Memperkuh jaringan industri-institusi	KPI 17	Bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi bagi memperkuh sinergi institusi-industri	Menjalinkan kerjasama industri-institusi	Bil kerjasama industri-institusi	2	(i) Program bersama dengan CEO@POLYCC/Jawatankuasa Penasihat Industri (JPI) menjadi pakar rujuk/runding (ii) Inisiatif bersama industri yang berkebolehan menjana pendapatan melalui Industry on Campus (IOC) dan Reskilling and Upskilling Centre(RUC), Pusat Bertauliah, dan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat(PSH); (iii) Penajaan latihan dan pensijilan kepada pelajar atau pensyarah, iaitu pelaksanaan latihan yang menghasilkan pensijilan profesional/pensijilan industri/pensijilan (iv) Sumbangan atau perkongsian peralatan dan fasiliti PdP - Peralatan PdP, fasiliti, biasiswa,hadiah kecemerlangan, bantuan kewangan, serta perkongsian ruang atau tempat program; (v) Pelaksanaan program Latihan Industri Berstruktur (LIB)/On Job Training (OJT) dengan kerjasama industri yang menyediakan struktur latihan terancang.	Pegawai Perhubungan Latihan Industri / KPro SMP & SPP	Sepanjang tahun
			Melaksanakan program berimpak tinggi bersama industri	Bil program	2			

MAJLIS PENUTUPAN PERIS "24" PERTANDINGAN INOVASI TVET KEBANGSAAN 2024 "Inovasi Melayan Terkini (TVET Madani)"

Teras Strategik 6

Membudaya penyelidikan dan inovasi



Objektif Strategik 6.1 — *Memperkasa ekosistem penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi*

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN
Memperkasa ekosistem penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi	KPI 18 / Objektif Unit	Bilangan projek Research, Development, Innovation, Commercialization and Economy (RDICE) yang diaplikasikan kepada pemegang taruh.	Memastikan kertas penyelidikan dapat diterbitkan di peringkat zon/kebangsaan/ antarabangsa	Bilangan kertas penyelidikan/ penerbitan	1	Pensyarah menyertai seminar/persidangan penyelidikan samada anjuran dalaman mahupun anjuran institusi lain.	KUPIK	1 kali / setahun
	KPI 18		Memastikan hasil inovasi dapat diaplikasikan dalam tahun semasa	Bilangan inovasi	1	Pertandingan inovasi kepada pelajar/ pensyarah.		1 kali / setahun
	Unit	Bilangan pensyarah menyertai bengkel/kursus penyelidikan/ penulisan kertas kajian	Menghasilkan pensyarah yang berpengetahuan luas dalam bidang penyelidikan dan penerbitan.	Bilangan pensyarah	2	(i) Hebahan secara berterusan tentang bengkel/kursus yang akan dianjurkan. (ii) Pensyarah menghadiri bengkel/kursus penyelidikan/penulisan kertas kajian samada anjuran dalaman mahupun anjuran institusi lain.		Sepanjang tahun



Teras Strategik 7

Memperkuat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Objektif Strategik 7.1 — Melahirkan komuniti berkemahiran

OBJEKTIF STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA		INISIATIF	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN 2026-2027	PELAN TINDAKAN/ AKTIVITI/ PROGRAM	PYB	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN
Melahirkan komuniti berkemahiran	KPI 19	Bilangan Modul Kursus PSH Berstruktur dibangunkan oleh PolyCC	Membangunkan modul MCSA berdasarkan program pengajian sepenuh masa	Bil Modul	2	(i) Modul MCSA - Sijil Pengoperasian Perniagaan (ii) Modul MCSA - Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan	TPA/KUPSH/ KPro SPP/KPro SMP	Januari - November
		Bilangan penyertaan program PSH pada tahun semasa	Melaksanakan kursus jangka pendek yang memfokuskan kepada kemahiran TVET, berorientasikan industri dan selaras dengan keperluan pasaran kerja semasa.	Bil peserta	1500	(i) Kursus Pendek/Latihan Khas Akaun Amanah untuk komuniti setempat (ii) Program Pengukuhan Bakat (iii) Program Pembangunan Kemahiran (PKTP) (iv) Program TVET Tahfiz@Kolej Komuniti (v) Program Cuti Sekolah	TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK / KETUA UNIT PSH	
		Program PSH bercirikan teknologi digital		Bil program	18	(i) Kursus Pendek/Latihan Khas Akaun Amanah/Program Peruntukan Khas bercirikan teknologi digital (ii) Kursus Pendek/Latihan Khas Akaun Amanah/Program Peruntukan Khas bercirikan Artificial Intelligence (AI)		
		Program PSH yang dijalankan secara kolaborasi dengan pihak luar		Bil program	10	Program kolaborasi bersama Lembaga Zakat Negeri Kedah/ Maahad Tahfiz/ Sekolah Menengah/Institusi Pengajian Tinggi (IPG/Kolej MARA/PTSB)/ Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (JPNIN) / Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)/ Human Resource Development Corporation (HRD Corp)		
		Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH)		Bil program	9	Program Pembangunan Kemahiran (PKTP) / Program TVET Tahfiz@Kolej Komuniti / Program Pembangunan Asnaf Anjuran Lembaga Zakat Negeri Kedah		
		Peserta program PSH yang berjaya menjana pendapatan		Bil program	4	Pilihan daripada kursus berimpak tinggi yang berorientasikan hasil/produk		

PELAN TINDAKAN KOLEJ KOMUNITI KULIM 2026-2027

SIDANG PENGARANG

KETUA EDITOR

RIZAL KASYRNO BIN GHAZALI

EDITOR

NORSYARIZA HANIM BINTI MOHD SABRI
KHAIRULANWAR BIN HARUN
NOORSHAKIRA BINTI ISMAIL

PEREKA GRAFIK

MUHAMMAD FAHMI BIN AHMAD